



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 25 Jun 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jelajah Karnival KPDN 2025 buka tirai di Johor: Penuh aktiviti dan manfaat

Program selama tiga hari bakal saji pengisian informatif, interaktif kepada pengunjung

Oleh Tutty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Jelajah Karnival KPDN 2025 membuka tirai pengunjurannya di negeri Johor melalui edisi Zon Selatan yang dijadual berlangsung pada 27 hingga 29 Jun 2025 di Pusat Konvensyen Puteri Harbour (PHCC), Iskandar Puteri.

Bertemakan Elemen KPDN K.I.T.A., edisi ini dijangka menarik kehadiran pelbagai lapisan masyarakat yang berpeluang mendekati secara langsung fungsi, peranan serta inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pendekatan tema ini diterjemah melalui pelbagai aktiviti berasaskan empat elemen utama Kementerian, iaitu K - Ketagasan Penguatkuasaan, P - Pemacu Ekonomi Domestik, D - Daya Upaya dan Advokasi Kepenggunaan serta N - National Action Council on Cost of Living.

Sepanjang tempoh tiga hari pengunjuran, pengunjung bakal menikmati pengisian bersifat informatif dan interaktif yang memberi manfaat kepada semua golongan.

Antaranya termasuk Segmen Pameran Perkhidmatan yang menghimpunkan KPDN serta agensi kerajaan dan swasta dengan penyampaian perkhidmatan melalui sesi advokasi dan khidmat nasihat secara langsung kepada pengunjung.

Selain itu, pengunjung turut diberi peluang mendekati peranan penguatkuasaan KPDN menerusi pameran aset dan bahan advokasi berkaitan bidang tugas Kementerian.

Keseluruhan segmen ini bukan sahaja membuka ruang pendedahan kepada masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan, malah menggalakkan interaksi dua hala yang lebih terbuka antara KPDN dan orang ramai.

Antara tarikan utama Jelajah Karnival KPDN 2025 Zon Selatan ialah pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM), yang mengetengahkan penyertaan lebih 54 usahawan tempatan

bagi memamer dan menjual produk masing-masing secara terus kepada orang ramai.

Jom Beli Lokal! Kempen Beli Barangan Malaysia
Inisiatif ini membuka ruang lebih luas kepada para usahawan untuk memperkenalkan jenama mereka sambil memperkukuh kedudukan produk tempatan dalam pasaran.

Beberapa jenama terkemuka tempatan yang turut serta dalam segmen ini, termasuk ZUS Coffee, SimplySiti, Farm Fresh Malaysia, Mamee, Adabi dan banyak lagi.

Pada masa sama, ia memberi peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan pelbagai produk buatan Malaysia yang berkualiti dan berpatutan.

Kempen ini turut memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran pengguna mengenai kepentingan menyokong produk tempatan menerusi inisiatif seperti penandaan Logo Barangan Malaysia (LBM), yang membantu pengguna mengenal pasti produk tempatan dengan lebih mudah.

Langkah ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan daya saing produk tempatan serta menyemai semangat patriotisme ekonomi dalam kalangan rakyat.

Turut menjadi tumpuan ialah Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), signature programme KPDN di bawah Seg-

men Inisiatif Payung RAHMAH.

Jimat Berbaloi di Program Jualan RAHMAH MADANI
Melalui jualan ini, pengunjung boleh menikmati penjimatan harga antara 10 hingga 30 peratus bagi pelbagai barangan keperluan harian berbanding harga pasaran.

Antara barangan yang ditawarkan termasuk beras, telur, minyak masak, ayam segar, daging serta barangan asas lain.

Selain itu, Menu RAHMAH turut disediakan dengan pelbagai pilihan makanan dan minuman pada harga serendah RM5.

Segmen Kos Sara Hidup turut dirangka sebagai pengisian utama karnival dengan mengetengahkan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kerajaan yang boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.

Melaluinya, pengunjung juga diberi ruang untuk memahami peranan kerajaan melalui Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) dalam mengimbangi isu kos sara hidup serta mendekati pendekatan yang dilaksanakan secara terus.

Buat golongan belia dan anak muda yang sedang mencari peluang pekerjaan, karnival ini turut menampilkan Karnival Kerjaya dengan penyertaan syarikat-syarikat ternama seperti FGV Holding Berhad, MyDIN, 99 Speedmart, Puteri Specialist Hospital dan banyak lagi.

Bagi menggalakkan penglibatan aktif masyarakat, Aktiviti Eksplorasi Mini: KPDN K.I.T.A. diperkenalkan dengan konsep eksplorasi dan pembelajaran interaktif secara berkumpulan.

Pengisian program turut diperluas menerusi Sesi Perkongsian Ilmu (Forum Agama) yang menampilkan barisan panel dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), iaitu Dr Mohd Azman Mohsin, Prof Dr Badlihisam Mohd Nasir serta Ustaz Mohd Khairul Fahmi (moderator).

Menyerlahkan lagi variasi pengisian, Segmen Pameran Khas akan membabitkan penyertaan rakan strategik seperti PROTON, PERODUA dan MODENAS menerusi pameran automotif sepanjang berlangsungnya program.

Aktiviti kekeluargaan meriahkan Karnival KPDN

Suasana karnival juga bakal dimeriahkan dengan persembahan artis popular tanah air seperti Datuk Hattan, Wany Hsritra, Irfan Haris dan ramai lagi.

Bagi pengunjung cilik, suasana karnival dijangka lebih ceria dengan pengunjuran Sesi Mini Muzikal bersama Omar & Hana serta Didi & Friends, diikuti Sesi Meet & Greet yang menambahkan keterujaan anak.

Menambah lagi kemeriahan ialah pengunjuran Pertandingan The Band Showdown, E-Sport MLBB, di samping Sesi Pocket Talk yang dikendalikan oleh

bagian dan agensi di bawah KPDN serta segmen Sembang Santai Usahawan yang memberi ruang perkongsian pengalaman secara santai.

Pelbagai aktiviti lain turut disediakan termasuk Kuiz Kahoot!, Persembahan Tarian Kipas Cina, pertunjukan Diabolo (Yoyo Cina), persembahan buskers, soopa doopa, aktiviti kanak-kanak, cabutan bertuah dan pengisian interaktif lain yang pastinya menarik perhatian pengunjung sepanjang karnival berlangsung.

Pengunjuran karnival kali ini dijangka menarik kehadiran lebih 20,000 pengunjung, bukan sahaja dari Johor, tetapi juga pengunjung dari negeri berdekatan seperti Melaka dan Negeri Sembilan.

Selapas Johor, siri Jelajah Karnival KPDN 2025 ini bakal singgah di Kompleks Sukan Ranau, Sabah (25-27 Julai), Kuching Waterfront, Sarawak (5-7 September), Aman Jaya, Sungai Petani bagi Zon Utara (26-28 September), Dataran Sayang Kuantan untuk Zon Timur (24-26 Oktober) dan akan melabuhkan tirai di Dataran Kemerdekaan Shah Alam bagi Zon Tengah pada 14-16 November nanti.

Maklumat lanjut berkaitan pengisian dan aktiviti menarik bagi pengunjuran karnival boleh diperolehi menerusi portal rasmi KPDN www.kpdn.gov.my atau melalui saluran media sosial KPDN.

Fuziah lawat ICQS Tebedu bagi sesi bat urus, pemantauan operasi

ERIAN: Timbalan Menteri perdagangan Dalam Negeri in Kos Sara Hidup Senator atuk Dr Fuziah Salleh turun padang ke Kompleks Migresen, Kastam, Quarantin dan Keselamatan (CQS) Tebedu, Sarawak bersama pegawai penguat kuasa KPDN negeri bagi sesi bat urus dan pemantauan berasid sempadan Malaysia-Indonesia.

Lawatan tersebut bertujuan menilai secara langsung pelaksanaan penguatkuasaan ICQS Tebedu.

Ini kerana bermula April 2025, KPDN Sarawak telah menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan perdagangan an persendirian bagi memantau tahap pematuan terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan Kementerian.

"KPDN bekerjasama rapat dengan pihak ICQS Tebedu dengan menempatkan pegawai sebanyak empat hari seminggu, khusus untuk mencegah aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang awalan," ujar beliau.

Menurutnya lagi, KPDN antara merangka strategi membendung ketirisan subsidi termasuk menjalankan sikan serta pemeriksaan

berkala di stesen minyak sempadan selain menjalin kerjasama strategik bersama agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Gerakan Am (PGA), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

Pada lawatan tersebut semalam, Fuziah turut memeriksa premis pemborong Gula, Minyak Masak dan Tepung (GMT) sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Ops TIRIS 3.0 di bawah inisiatif 'KITA GEMPUR'.

"Sebanyak 128 kes penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan dengan nilai rampasan RM1.18 juta telah disiasat di bawah Ops TIRIS 3.0 dari Januari hingga Jun 2025 menunjukkan komitmen tegas kerajaan dalam mengekalkan keberkesanan subsidi melalui tindakan penguatkuasaan dan strategi bersepadu di sempadan serta premis," jelasnya.

Beliau turut menekankan bahawa kerajaan MADANI mengutamakan pendekatan 'Whole Nation Approach' yang melibatkan kerjasama menyeluruh antara agensi kerajaan dan pengguna.



AKSI: Fuziah bercakap kepada media semasa lawatan tersebut semalam. — Gambar oleh KPDN Sarawak

Sorok 720kg minyak peket

- **KPDN sita hasil rampasan di sebuah rumah**
- **Lelaki ditahan bantu siasatan**

Oleh **LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR**

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita 720 kilogram (kg) minyak masak peket dalam serbuan di sebuah rumah di Teluk Kurin Buntong, di sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan ke atas rumah yang dijadikan stor haram itu hasil pemantauan dan risikan selama seminggu oleh pasukan penguat kuasa.

"Pasukan serbuan telah menyerbu sebuah rumah yang dijadikan sebagai tempat simpanan minyak masak peket.

"Seorang lelaki berumur 27 tahun disyaki penyewa rumah telah diambil rakaman percakapan bagi membantu siasatan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati individu berkenaan gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen bagi penyimpanan barang kawalan.

"Sehubungan itu, satu tinda-



PENGUAT kuasa KPDN Perak menunjukkan minyak masak peket yang dirampas dari sebuah rumah di Teluk Kurin Buntong di Ipoh kelmarin.

kan kes telah diambil dengan menyita sebanyak 720kg minyak masak peket dan dokumen per-

niagaan dengan nilai sitaan adalah dianggarkan RM1,800.

"Kes akan disiasat di bawah

Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya.

KPDN Perak sita 720kg minyak masak peket

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 720 kilogram (kg) minyak masak peket dan dokumen perniagaan yang dianggarkan bernilai

RM1,800 dalam satu serbuan di Teluk Kurin Buntong di sini, petang kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan yang di-

lakukan di sebuah rumah dijadikan sebagai stor haram simpanan minyak masak peket itu hasil paman-tauan dan risikan selama satu minggu yang dilaksan-akan oleh anggota pe-

nguat kuasa kementerian itu melalui Ops Tiris 3.0.

"Seorang lelaki berusia 27 tahun disyaki penyewa ru-mah dirakam percakapan bagi membantu siasatan. Siasatan awal mendapati

individu berkenaan dida-pati gagal mengemukakan sebarang permit atau lesen bagi penyimpanan barang kawalan," katanya dalam kenyataan di sini, sema-lam.

**"Seorang lelaki
berusia 27 tahun
disyaki penyewa
rumah dirakam
percakapan"**

*Pengarah KPDN Perak,
Datuk Kamalludin Ismail*

Stor haram simpan minyak masak paket digempur



Tindakan kes diambil KPDN Perak di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM1,800.

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak membongkar kegiatan penyelewengan minyak masak paket yang bersembunyi di sebuah rumah di Teluk Kurin, Buntong di sini pada Isnin.

Serbuhan melalui Op Tiris 3.0 pada sekitar jam 2 petang itu mendapati, rumah berkenaan dijadikan stor simpanan minyak masak paket sejak seminggu lalu.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, hasil pemeriksaan menemukan sebanyak 720 kilogram (kg) minyak masak paket disimpan tanpa sebarang permit atau lesen sah.

"Seorang lelaki berusia 27 tahun yang dipercayai penyewa rumah berkenaan telah dipanggil untuk di-

rakam percakapan bagi membantu siasatan.

"Tindakan kes telah diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dengan anggaran nilai sitaan berjumlah RM1,800," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Kamalludin berkata, pihak Kementerian tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu atau syarikat yang terbabit dalam penyimpanan dan penyelewengan barang kawalan tanpa kebenaran.

Tambah beliau, individu atau syarikat yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan tegas termasuk denda maksimum sehingga RM1 juta bagi kesalahan pertama dan RM3 juta atau penjara sehingga

tiga tahun bagi kesalahan berikutnya untuk individu, manakala syarikat pula boleh didenda hingga RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan ulangan.

"KPDN Perak kini mempertingkatkan operasi melalui inisiatif 'Kita gempur' sebagai gerakan strategik membanteras penyelewengan dan manipulasi perniagaan termasuk dalam sektor edagang serta aktiviti monopoli atau kartel," katanya.

Menurut beliau, KPDN turut meminta kerjasama orang ramai untuk tampil menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti mencurigakan melibatkan barangan kawalan melalui WhatsApp **019-848 8000**; portal e-aduan <https://eaduan.kpdn.gov.my>; call centre **1-800-886-800** atau aplikasi EZ ADU KPDN.

720kg of cooking oil seized in store raid

IPOH: The Perak Domestic Trade and Cost of Living Ministry seized 720kg of packet cooking oil and business documents estimated to be worth RM1,800 during a raid in Teluk Kurin Buntong here.

Its director Datuk Kamalludin Ismail said the raid, carried out at 2pm on Monday at a house used as an illegal storage facility for packet cooking oil, was the result of a week-long surveillance and intelligence operation by ministry enforcement officers under Op Tiris 3.0.

"A 27-year-old man, believed to be the tenant of the house, has had his statement recorded to assist in investigations.

"Preliminary investigations found that he failed to produce any permit or licence for storing controlled goods," he said in a statement, Bernama reported.

Kamalludin said the case is being investigated under the Control of Supplies Act 1961 and the Control of Supplies Regulations 1974.

65,000 barangan bernilai RM3.5 juta dilupuskan

Shah Alam: Selipar dan hos penyambung antara 65,000 barangan bernilai RM3.5 juta membabitkan 64 kes bermula 2024 hingga Mei tahun ini yang dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, semalam.

Pengarahnya, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, barangan lain termasuk barangan penjagaan diri, beg tangan, dompet dan baju.

“Pelupusan ini turut membabitkan peralatan yang digunakan untuk ak-

tiviti penyelewengan barangan kawalan bersubsidi diesel seperti mesin pam.

“Selain itu, peralatan komputer, alat ganti serta aksesori kenderaan dan barangan telekomunikasi turut dilupuskan,” katanya pada sidang media di stor penyimpanan eksibit Selangor di Bukit Raja, dekat sini.

Beliau berkata, proses pelupusan dijalankan secara sistematik dan terancang dengan kesemua barangan yang dilupuskan selesai menjalani prosiding mahkamah.

Fleet card dimanipulasi seleweng diesel

KPDN, PDRM kerjasama, yakin tumpaskan sindiket terbabit dalam masa terdekat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Sindiket penyelewengan diesel didapati beralih menggunakan *fleet card* di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) dalam menjalankan aktiviti haram mereka.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, pihak sindiket sentiasa mencari kaedah kreatif untuk melakukan penyelewengan bahan bersubsidi itu.

"Kita dapati mereka menggunakan *fleet card* bukan milik mereka. Kita ambil maklum mengenai perkara ini dan akan dapat banyak lagi kes seperti ini di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Pelupusan Eksibit Perdana KPDN Selangor di sini pada Selasa.

Mohd Zuhairi berkata, siasatan dan risikan telah dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia.

Beliau yakin sindiket terbabit yang dapat ditumpaskan dalam masa terdekat.



Mohd Zuhairi (kanan) menyempurnakan gimik pada Majlis Pelupusan Ekshibit Perdana KPDN Selangor 2025 bernilai RM3.5 juta di Shah Alam pada Selasa.

Selain itu, KPDN juga menjalin kerjasama bersama syarikat-syarikat pengeluar minyak di negara ini dengan melaksanakan kawalan dalaman bagi memastikan kecekapan dan berkesan operasi membanteras sindiket tersebut.

"Kalau stesen itu terlibat dan ada bukti mereka bersubahat, kita akan tarik lesen (pengusaha) stesen minyak itu. Bagi syarikat pengeluar pula akan menyenaraihitamkan pengusaha itu," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mohd Zuhairi berkata, sepanjang enam bulan ta-

hun ini sebanyak 96 kes berjaya diperoleh dengan melibatkan rampasan RM2.9 juta dan nilai kompaun sebanyak RM32,000 bagi Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Untuk diesel sahaja bagi tempoh sama melibatkan RM1.2 juta termasuk menumpaskan sindiket di daerah ini baru-baru ini," katanya.

Sinar Harian pada Mei lalu melaporkan KPDN Selangor berjaya menumpaskan satu sindiket susulan penahanan lima lelaki tempatan berusia 30 hingga 45 tahun dan sebanyak 11 *fleet card* dirampas di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam.



S'gor-based syndicates abusing diesel fleet cards

SHAH ALAM: The Selangor branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry has revealed that diesel fraud syndicates in the state are using the fleet card system to carry out their criminal activities.

Its director Mohd Zuhairi Mat Radey said the ministry is actively conducting intelligence and investigations in collaboration with the police, and is confident that the syndicates involved can be busted in the near future.

"We know that syndicates like this are creative and have started abusing the rationalisation of subsidies using fleet cards that do not belong to them.

"I am confident that after this, we (the ministry) will have many more cases under the Control of Supplies Act (CSA) 1961, including the fleet card syndicates," he told Bernama at a press conference after witnessing the disposal of the ministry's major Selangor exhibits here yesterday.

Mohd Zuhairi said the ministry is also collaborating with oil-producing companies in the country by implementing internal controls to ensure the efficiency and effectiveness of operations to combat the syndicates.



Fuziah (front centre) and KPDN enforcement personnel conduct an inspection at a premises in Serian.

KPDN busts smuggling, subsidy abuse cases worth RM1.18 mln in Sarawak

SERIAN: A total of 128 cases involving the misappropriation and smuggling of controlled goods were detected in Sarawak between January and June this year, with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) recording seizures worth RM1.18 million under Ops Tiris 3.0.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Dr Fuziah Salleh said this reflects the government's firm commitment to combating subsidy abuse, especially in high-risk border areas.

She said enforcements at the Customs, Immigration, Quarantine and Security (CIQS) Complex in Tebedu, which began

in April, have been instrumental in tightening control over the movement of subsidised goods between Malaysia and Indonesia.

"KPDN Sarawak is working closely with CIQS Tebedu authorities to station officers four days a week to monitor commercial and private vehicles.

"This initiative aims to curb the misappropriation and smuggling of controlled goods into neighbouring countries," she said in a statement yesterday.

To prevent further leakage of subsidised fuel, Fuziah said the ministry is also conducting intelligence operations and routine inspections at petrol stations located near the border.

She said KPDN is also

enhancing strategic cooperation with enforcement agencies, including the General Operations Force, Malaysian Maritime Enforcement Agency, and the Malaysian Border Control Agency, to intensify border enforcement.

Fuziah had earlier made a working visit to the CIQS Tebedu, which included an engagement session and briefing by immigration and customs officers on daily border operations.

As part of the ongoing Ops Tiris 3.0 under the 'Kita Gempur' initiative, she also visited a wholesaler in Serian dealing in controlled items such as sugar, cooking oil, and flour.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lima lelaki ditahan bersama 13,500 liter diesel bersubsidi

Oleh Yivi Olivia Najurus

KOTA KINABALU: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Empat Sabah berjaya menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi menerusi serbuan di sebuah stor di Jalan Nountun, Inanam, di sini.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisier Nazri Ibrahim, berkata operasi

yang dijalankan kira-kira jam 2.30 petang itu turut menahan lima lelaki tempatan berusia antara 29 hingga 67 tahun ketika sedang memindahkan minyak diesel dari tangki skid ke dalam lori.

Katanya, hasil pemeriksaan lanjut di lokasi menemukan sebanyak 13,500 liter minyak diesel yang disyaki cuba diseleweng.

"Semua suspek

yang ditahan gagal mengemukakan sebarang dokumen atau permit sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkaitan pemilikan atau pemindahan bahan api terbabit.

"Turut dirampas dalam serbuan itu ialah beberapa buah kenderaan yang dipercayai digunakan dalam aktiviti penyelewengan ini," katanya dalam

kenyataan di sini.

Beliau berkata, nilai keseluruhan rampasan termasuk minyak diesel dan kenderaan dianggarkan berjumlah RM503,245.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan semua tangkapan serta barang rampasan dibawa ke Markas Taktikal PPM Kota Kinabalu untuk tindakan lanjut.

"PPM akan terus komited dalam memberantas

sebarang bentuk aktiviti penyeludupan yang bukan sahaja merugikan negara malah mengancam keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

"Kerjasama orang awam amat dialu-alukan dalam menyalurkan maklumat berhubung kegiatan mencurigakan membabitkan bahan kawalan dan bersubsidi di sekitar kawasan masing-masing," katanya.



RAMPAS: Lori muatan minyak diesel dan beberapa buah kenderaan yang dipercayai digunakan dalam aktiviti penyelewengan ini dirampas pihak PPM.

High living costs **burdening** low-income workers

► Government aid could help lighten load, especially for private-sector employees: Veteran chef

■ BY FAIZ RUZMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia's Consumer Price Index rose 1.4% year-on-year in April, with food inflation hitting 2.3%, according to the Statistics Department.

While the overall inflation rate is easing, daily living costs continue to weigh heavily on low-income earners, particularly in urban areas.

Muhammad Syazreen Ismail, 33, has been working as a food delivery rider for the past five months, earning around RM40 a day, sometimes up to RM100, depending on the number of jobs he picks up.

He usually works weekday mornings and takes weekends off to help his mother run a food stall.

They live in a rented single-storey house in Petaling Jaya. Although the rent is mainly borne by his mother, Syazreen chips in RM200 a month towards household expenses.

"Things have been tough. Since my mother runs a food stall, our daily costs are even higher," he said.

"A 10kg bag of rice is about RM30. Adding eggs, *santan* and other ingredients, it easily costs over RM200 (to run the stall), depending

on the quantity and scale."

"I do not know the full rent amount because my mother handles it, but I try to help however I can."

His daily income also goes towards petrol, which can cost up to RM10 a day, and the occasional bike repair.

"Just changing the tyres can set me back RM80, and a chain and sprocket set costs about RM60. It all depends on my luck."

"But when repairs come up, it really stretches my budget."

Syazreen is doing food delivery part-time while hunting for a full-time job.

He did not share much about his previous employment, only that he was laid off and turned to delivery work to support his mother and himself until he finds something stable.

"I wish I could do more. Grocery prices keep rising and it is getting harder to keep up."

"Although fuel prices have not changed much in recent years, they still eat into our income, whether for delivery work or daily errands."

Puspita Reni, a 25-year-old waitress from Indonesia, has been in Malaysia since 2022. Earning RM1,800 a month with meals provided at work, she is just scraping by.

She rents a flat in Seksyen 11, Kota

Damansara with her younger sibling, a university student at Bandar Sunway who also works part-time in retail.

Rent costs RM1,000 while the rest of her income is stretched between essentials and a monthly remittance of around RM500 to her family back home.

"It is not really enough, and we do not live fancy," she said.

"I walk to work, I do not buy food since my workplace provides lunch, and I try to save."

"As a foreigner, I just go along with what the government decides. As long as I can support my family, that is all that matters."

For others, the struggle is more visible than personal.

Muhammad Zahid Zainul Rashid, 44, has over 20 years of experience as a chef and acknowledges that he is in a better position than many.

"If you are not single and earning below RM3,000 in Kuala Lumpur or Selangor, it is hard to survive," he said, referring to the younger staff under his watch.

"Some do not even get overtime. They take on Grab jobs after work just to get by, and even then, they might only make RM100."

He pointed to rising food prices and sales and service tax-related disruptions, but expressed belief that government aid could help lighten the load, especially for private-sector workers.

"I feel for my team. They are doing their best but it is not enough. They are tired and still have to hustle."



Muhammad Zahid said some of the younger staff under his watch take on Grab jobs after work just to get by. — AMIRUL SYAFIQ/THESUN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 JUN 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Jun	KPDN tingkat kawalan di ICQS Tebedu	https:// www.tvsarawak.my/2025/06/24/ kpdn-tingkat-kawalan-di-icqs-	TVS SARAWAK
25-Jun	KPDN tingkat kawalan di ICQS Tebedu	https:// utusanarawak.com.my/ kpdn-tingkat-kawalan-di-	UTUSAN SARAWAK
25-Jun	KPDN tingkat kawalan di ICQS Tebedu	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2437635	BERNAMA
25-Jun	Ops Tiris nets 128 cases, RM1.18 mln in seized controlled goods at Sarawak borders	https://dayakdaily.com/ops- tiris-nets-128-cases-rm1-18 -mln-in-seized-controlled- goods-at-sarawak-borders/	DAYAK DAILY
25-Jun	Kerjasama agensi penguatkuasaan berjaya bendung penyeludupan barang bersubsidi	https:// malaysiatribune.news/berita -semasa/kerjasama-agensi- penguatkuasaan-berjaya- bendung-penyeludupan/ #google_vignette	MALAYSIA TRIBUNE
25-Jun	KPDN tightens border checks at Tebedu ICQS to curb smuggling	https://thesun.my/malaysia- news/kpdn-tightens-border- checks-at-tebedu-icqs-to- curb-smuggling- HC14340034	THE SUN
25-Jun	Karnival KPDN 2025 bakal gegar Puteri Harbour	https:// www.sinarharian.com.my/ article/735315/berita/ nasional/karnival-kpdn- 2025-bakal-gegar-puteri-	SINAR HARIAN
25-Jun	KPDN Perak serbu stor haram, sita 720kg minyak masak paket	https://mgperak.com/kpdn- perak-serbu-stor-haram-sita -720kg-minyak-masak- paket/	MG PERAK
25-Jun	KPDN Perak serbu stor haram, sita 720kg minyak masak paket	https://www.hmetro.com.my/ amp/ mutakhir/2025/06/1233495/ kpdn-perak-serbu-stor-haram- sita-720kg-minyak-masak-paket	HARIAN METRO

25-Jun	Rumah jadi tempat simpanan 720 kg minyak masak peket	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rumah-jadi-tempat-simpanan-720-kg-minyak-masak-peket-526469	ASTRO AWANI
25-Jun	Rumah jadi tempat simpan 720kg minyak masak peket	https://suarakini.com.my/rumah-jadi-tempat-simpan-720kg-minyak-masak-peket/	SUARA KINI
25-Jun	Perak KPDN raids illegal store, seizes 720kg of cooking oil	https://thesun.my/malaysia-news/perak-kpdn-raids-illegal-store-seizes-720kg-of-cooking-oil-GF14338835	THE SUN
25-Jun	Perak KPDN Raids Illegal Store, Seizes 720kg Of Packet Cooking Oil	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2437544	BERNAMA
25-Jun	Lima ditahan terbabit aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi	https://api.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1411813/lima-ditahan-terbabit-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi	BERITA HARIAN
25-Jun	Lima ditahan terbabit aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi	https://www.buletintv3.my/nasional/lima-ditahan-terbabit-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi/	TV3
25-Jun	KPDN Perak Serbu Stor Haram, Sita 720kg Minyak Masak Peket	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2437539	BERNAMA
25-Jun	PENGGUNA PANTAU JADUAL JUALAN RAHMAH, MUDAHKAN MEREKA BERJIMAT	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2437603	BERNAMA
25-Jun	Cabaran Troli Isyarat Pengguna Tingkat Kesedaran, Hak Pembelian Komuniti Pekak	https://malaysiaaktif.my/2025/06/cabaran-troli-isyarat-pengguna-tingkat-kesedaran-hak-pembelian	MALAYSIA AKTIF
25-Jun	Seleweng diesel: KPDN kesan sindiket salah guna kad fleet	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/06/seleweng-diesel-kpdn-kesan-sindiket-salah-guna	UTUSAN

25-Jun	Sindiket seleweng diesel 'kreatif' manipulasi fleet card	https://www.kosmo.com.my/2025/06/24/sindiket-seleweng-diesel-kreatif-manipulasi-fleet-card/	KOSMO
25-Jun	KPDN Selangor lupus barangan tiruan lebih RM3.5 juta	https://www.utusan.com.my/berita/2025/06/kpdn-selangor-lupus-barangan-tiruan-lebih-rm3-5-juta/	UTUSAN
25-Jun	KPDN lupus barangan tiruan lebih RM3.5 juta	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-lupus-barangan-tiruan-lebih-rm3-5-juta/	TV3
25-Jun	KPDN Selangor lupus barangan tiruan lebih RM3.5 juta	https://www.utusan.com.my/berita/2025/06/kpdn-selangor-lupus-barangan-tiruan-lebih-rm3-5-juta/	UTUSAN'
25-Jun	RM1.18 juta barangan kawalan dirampas di sempadan Sarawak	https://www.tvsarawak.my/2025/06/24/rm1-18-juta-barangan-kawalan-dirampas-di-sempadan-sarawak/	TVS SARAWAK
25-Jun	Lima Individu Ditahan Terbabit Aktiviti Penyelewengan Minyak Diesel Bersubsidi Di Inanam	https://www.sabahpost.net/2025/06/24/lima-individu-ditahan-terbabit-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi-di-inanam/	SABAH POST
25-Jun	5 disyaki seleweng diesel ditahan, rampasan RM500,000	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/24/5-disyaki-seleweng-diesel-ditahan-ppm-buat-rampasan-rm500000	FREE MALAYSIA TODAY
25-Jun	MHO gesa SSM siasat syarikat pelaburan mesin layan diri	https://malaysiagazette.com/2025/06/23/mho-gesa-ssm-siasat-syarikat-pelaburan-mesin-layan-diri/	MALAYSIA GAZETTE
25-Jun	Straits of Hormuz closure threatens Malaysia's food supply, economist forecasts price hikes	https://www.sinardaily.my/article/728284/focus/national/strait-of-hormuz-closure-threatens-malaysias-food-supply-economist-forecasts-price-hikes	SINAR DAILY

25-Jun	Polis Marin bongkar aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi	https://beritasabah.com/polis-marin-bongkar-aktiviti-penyelewengan-minyak-diesel-bersubsidi/	BERITA SABAH
25-Jun	KPDN kesan sindiket 'kreatif' manipulasi fleet card seleweng diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/735428/berita-semasa/kpdn-kesan-sindiket-kreatif-manipulasi-fleet-card-seleweng-diesel	SINAR HARIAN
25-Jun	Sindiket diesel manipulasikan kad fleet di Selangor didedahkan KPDN	https://thesun.my/cerita/berita/sindiket-diesel-manipulasikan-kad-fleet-di-selangor-didedahkan-kpdn-KC14344943	THE SUN
25-Jun	Sindiket diesel manipulasikan kad fleet di Selangor didedahkan KPDN	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2437949	BERNAMA
25-Jun	KPDN Perak rampas 720 kilogram minyak peket disorok dalam rumah	https://themalaysiapress.com/kpdn-perak-rampas-720-kilogram-minyak-peket-disorok-dalam-rumah/	THE MALAYSIA PRESS
25-Jun	SIS Forum tidak guna perkataan Islam ketika daftar bawah SSM	https://themerdeketimes.com/news/2025/06/sis-forum-tidak-guna-perkataan-islam-ketika-daftar-bawah-ssm/	THE MERDEKA TIMES
25-Jun	KPDN Selangor Lupus Barang Kes Bernilai RM3.5 Juta	https://malaysiaaktif.my/2025/06/kpdn-selangor-lupus-barang-kes-bernilai-rm3-5-juta/	MALAYSIA AKTIF
25-Jun	KPDN lupus barangan termasuk cover set motosikal RM3.5 juta	https://www.kosmo.com.my/2025/06/24/kpdn-lupus-barangan-termasuk-cover-set-motosikal-rm3-5-juta/	KOSMO
25-Jun	KPDN Selangor lupus 65,000 barangan bernilai RM3.5 juta	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/06/1233545/kpdn-selangor-lupus-65000-barangan-bernilai-rm35-juta	HARIAN METRO

25-Jun	KPDN Selangor lupus 65,000 barangan bernilai RM3.5 juta	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/06/1233545/ kpdn-selangor-lupus-65000 -barangan-bernilai-rm35-	HARIAN METRO
25-Jun	Barangan rampasan bernilai RM3.5 juta dilupuskan KPDN Selangor	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/ barangan-rampasan- bernilai-rm3-5-juta- dilupuskan-kpdn-selangor	RTM
25-Jun	Selangor KPDN destroys RM3.5mil fake goods in major bust	https://thesun.my/malaysia- news/selangor-kpdn- destroys-rm35mil-fake- goods-in-major-bust- BC14343222	THE SUN
25-Jun	Over RM3.5mil worth of seized counterfeit goods disposed of	https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/06/24/over- rm35mil-worth-of-seized- counterfeit-goods-disposed-	THE STAR
25-Jun	KPDN lupus 65,000 unit barangan bernilai lebih RM3.5 juta	https:// www.sinarharian.com.my/ article/735377/berita/ semasa/kpdn-lupus-65000- unit-barangan-bernilai-lebih	SINAR HARIAN
25-Jun	KPDN Selangor lupus 65,000 barangan bernilai RM3.5 juta	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2437809	BERNAMA
25-Jun	Fuziah lawat ICQS Tebedu bagi sesi libat urus, pemantauan operasi	https:// www.utusanborneo.com.my /2025/06/24/fuziah-lawat- icqs-tebedu-bagi-sesi-libat- urus-pemantauan-operasi	UTUSAN BORNEO
25-Jun	KPDN tingkat kawalan di ICQS Tebedu	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-tingkat- kawalan-di-icqs-tebedu-	ASTRO AWANI